



JUARA KESELURUHAN ... SPPS dinobatkan juara keseluruhan Kejohanan Olahraga UMS 2013.

NST 11.4.2013 23



ATLET HARAPAN ... Dr. Nizam (tengah) dan Hasnol (kanan tepi) bersama Atlet Harapan dan Olahragawan dan Olahragawati Kejohanan Sukan UMS 2013.

KOTA KINABALU: Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS) mengungguli Kejohanan Olahraga Antara Sekolah-sekolah pengajian Universiti Malaysia Sabah kali ke-15 yang berlangsung selama dua hari baru-baru ini.

Kemenangan itu diperoleh melalui kutipan sebanyak 24 pingat emas, sembilan perak dan lima pingat gangsa sekaligus melengkapkan kejuaraan selama tiga tahun berturut-turut.

Pencapaian tersebut juga menunjukkan peningkatan jumlah kutipan pingat berbanding tahun lalu yang mencatatkan 21 pingat emas, 14 pingat perak dan tujuh pingat gangsa.

Tempat kedua dan ketiga masing-masing disandang oleh Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial (SPKS) dan manakala Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE). SPKS hanya berjaya memperoleh empat pingat emas, empat perak dan tiga gangsa manakala Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE) pula satu

emas dan dua gangsa.

Lebih membanggakan kesemua kategori anugerah yang dipertandingkan turut dibolot oleh atlet-atlet dari SPPS. Bagi kategori Atlet Harapan Wanita dan Lelaki, pemenangnya masing-masing dianugerahkan kepada Merry Gabalin dan Makenzie Jetol.

Pemilihan Merry adalah berdasarkan pencapaian tiga pingat emas melalui acara lompat kijang, acara balapan 4x400 meter dan acara yang berjaya mencatatkan rekod baru kejohanan iaitu acara 100 meter. Manakala Makenzie menerima anugerah Atlet Harapan Lelaki apabila meraih dua pingat emas melalui acara lontar peluru dan merejam lembing.

Sementara itu, anugerah olahragawati pula telah disandang oleh Emmy Ahkim yang telah menunjukkan pencapaian cemerlang dengan kutipan tiga pingat emas dalam acara 400 meter, 800 meter dan 4X100 meter. Beliau turut berjaya memecahkan rekod kejohanan

SPPS terus kekal juara Kejohanan Olahraga UMS

yang dicatatnya sendiri pada tahun 2012 dalam acara 400 meter. Manakala, anugerah olahragawan pula disandang oleh Eddy Sham Erlon yang juga merupakan pemegang rekod baru dalam acara 100 meter pada kejohanan kali ini setelah rekod tersebut bertahan selama 10 tahun. Disamping itu, beliau turut mermenangi dua pingat emas dalam acara 110 meter lompat berpagar dan acara lari berganti-ganti 4x100 meter.

Jurulatih SPPS yang juga pensyarah Program Sains Sukan, Dr. Mohamad Nizam Nazarudin melahirkan rasa puashati dengan prestasi atletnya dan berharap kesemua mereka dapat diketengahkan di peringkat kebangsaan kelak.

“Saya bercadang untuk menghantar atlet yang cemerlang menyertai kejohanan olahraga terbuka kebangsaan pada masa akan datang selain turut mempersiapkan atlet-atlet yang ada untuk menghadapi kejohanan tahun depan,” kata dia.

Dalam pada itu, pengurus pasukan SPPS, Hasnol Noordin berkata, kejayaan pasukannya turut disumbang oleh hasil usaha gigih atlet sendiri. Katanya, komitmen dan disiplin yang tinggi dalam kalangan atlet membolehkan mereka terus maju dalam pencapaian bidang sukan yang diceburi.

Kejohanan olahraga kali ini telah menarik penyertaan sera-



PINGAT EMAS ... Kuatet emas 4x400m lelaki SPPS diapit oleh peserta dari Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) serta Sekolah Perniagaan dan Ekonomi.



JUGA MENANG EMAS ... Pingat Emas milik Kuatet 4X100 SPPS.

mai 244 orang peserta yang terdiri daripada kontinjen sekolah-sekolah di UMS. Selain sebagai acara tahunan, kejohanan

yang membabitkan 29 acara sukan itu turut menjadi landasan dalam mencungkil bakat baru untuk diketengahkan pada

kejohanan-kejohanan besar seperti MASUM, Sukan Universiti ASEAN dan Sukan Institusi Pengajian Tinggi.